


2 PELAN KUNCI
NOT TO SCALE

SITE INFORMATION

1. SIZE AND LOCATION OF DEVELOPMENT
The proposed development size is 1.756 Acres at part of Lot N.T 213059771, Jalan Sailan Imbaan Putatan, Daerah Putatan, Negeri Sabah. 10m will be surrendered to JKR for 'right of way' to the site at the back.

2. PROPOSED DEVELOPMENT
The proposed development is to build, complete a Class C, 2 bay 'Balai Bomba', 'Kuarters' 3 unit Class F and 1 unit Class E.



3 PELAN LOKASI
NOT TO SCALE

U
NEGERI SABAH
DAERAH PUTATAN
STANDARD SHEETS 67-IA-31

MEMORANDUM OF DEVELOPMENT

Amendments in compliance with
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
No. ruj : JBPM/SB/ BKK:700-2/1/2/623(4)
Tarikh : 13 Ogos 2020

Pelan Tapak
1. Adakan 2 buah pili bomba jenis tiang dua hala dengan pengeluar air sebanyak 1135 liter seminit bagi setiap pili bomba sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
2. Saiz paip air bagi saluran pili bomba adalah tidak kurang daripada 6 inci garis pusat.
3. Penempatan/pemasangan pili bomba adalah tidak melebihi 2 meter daripada tepi jalanraya, tidak terhalang dan terlalu dekat dengan bangunan.
4. Paip-paip yang digunakan untuk sistem pili bomba hendaklah dari jenis G.I kelas tersebut hendaklah dibuat daripada Wrought Steel'.
5. Kecerunan jalan akses perkakas bomba hendaklah tidak kurang 1:15
6. Adakan jalan masuk perkakas Bomba (access road) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung beban 30 tan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
7. Ketinggian kelegaan hendaklah tidak kurang daripada 5/4.5 meter.

Kehendak-kehendak Am
1. Semua pendawaian elektrik bagi sistem kecemasan hendaklah dipasang di dalam konduit logam atau daripada kabel yang mempunyai penebat mineral tahan api. Pemasangan hendaklah sepanjang kawasan yang paling kurang risiko kebakarannya dan mematuhi.
2. Semua elemen struktur hendaklah mempunyai tempoh ketahanan api mengikut UuKBS 1984.
3. Semua papan tanda keselamatan kebakaran hendaklah mematuhi MS 982,1985.
4. Adakan unit alat pemadam api yang bersesuaian menurut MS1539:part 1:2002 sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
5. Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut hendaklah daripada jenis-jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
6. Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan ileh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysi. -DC OR (BATTERY/GENSET)
7. Penggunaan siling bangunan hendaklah menepati kehendak-kehendak jadual kelapan UuKBS 1984.
8. Adakan pintu rintangan api satu jam/dua jam sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Pemasangannya hendakalah tertutup sendiri.
9. Adakan dinding pemetakan (compartment wall) setebal 112mm/225mm batu bata yang dibina sehingga paras bawah bumbung/lantai sepertiman yang ditandakan di dalam pelan.
10. Adakan 'Graphic Design of floor Plan' berlatarbelakang warna putih yang menunjukkan tangga keselamatan, laluan-laluan keluar dan kedudukan alat-alat pencegah kebakaran. Penempatannya hendaklah di tempat yang mudah dilihat.

Peringatan
1. Segala syarat-syarat yang dikemukankan adalah tertakluk kepada rekabentuk dan kegunaan bangunan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dilakukan ke atas rekabentuk atau kegunaannya seperti ynag dicatatkan di atas pelan, maka hendaklah dirujuk kejabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk dikaji semula.
2. Segala pemilihan bahan dan penggunaannya yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi projek cadangan serta s sistem pencegahan kebakaran hendaklah mematuhi UuKBS 1984 dan peraturan-peraturan yang diterima sahaja yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
3. Pengesahan pelan ini adalah tidak tertakluk kepada penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya setelah pelan disahkan maka pelan bangunan tersebut hendaklah dirujuk kembali ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
4. Pelan lukisan dan pengiraan bagi semua pemasangan tetap hendaklah dikemukan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jumlah pelan-pelan yang dikemukan hendaklah tidak kurang dua perenggu.
5. Mana-mana premis yang mengendalikan, memproses atau menyimpan bahan-bahan bahaya hendaklah diadakan tanda khas mengikut simbol 'Hazchem code' Tanda-tanda ini hendaklah mudah dilihat.

Amendments in compliance with
PEJABAT KESIHATAN KAWASAN PENAMPANG
No. ruj : PKDP/KPAS/09/01/58
Tarikh : 26 Nov 2020

2. Pelan bangunan di atas telah disemak dan pejabat ini TIADA HALANGAN ke atas projek yang dikemukakan dengan syarat pemilik/pemaju mematuhi perkara di bawah:
2.1. Pemilik/pemaju diingatkan agar sentiasa memastikan serta meningkatkan mutu kebersihan premis sepanjang proses dijalankan agar tidak wujud tempat pembiakan nyamuk Aedes (Pembawa Penyakit Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah). Pegawai dari jabatan ini akan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa dan sekiranya tidak kurang RM500 di bawah akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Amendments in compliance with
SABAH ELECTRICITY SDN.BHD.
No. ruj : SESB/KPKK/100-12(20)10
Tarikh : 7 Disember 2020

I. Kesemuan laluan kabel hendaklah ditandakan dalam pelan lukisan.
II. Pemaju perlu melantik juruperunding untuk memohon bekalan ke premis tersebut dan menyediakan maklumat berikut:
- Jumlah sambungan beban
- Tarikh permulaan dan penyiapan projek
- Pelan pembangunan secara berperingkat (Jika berkenaan)
- Tarikh bekalan dikehendaki
III. Merujuk kepada pelan pembangunan yang dikemukakan, jika terdapat pepasangan SESB yang perlu dipindahkan semua kos pemindahan pepasangan SESB tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
IV. Caj sambungan pengguna perlu ditanggung sepenuhnya oleh pemaju. Pihak pemaju juga perlu melaksanakan skop kerja Horizontal Directional Drilling (HDD) jika diperlukan oleh pihak berkuasa tempatan. Kos HDD ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.
V. "Utility mapping" dan "survey plan" juga perlu ditanggung sepenuhnya dan dilaksanakan oleh pihak pemaju. Dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak SESB semasa urusan permohonan bekalan elektrik.
VI. Pemaju perlu mematuhi semua keperluan lain yang berkaitan dalam syarat-syarat umum seperti yang dilampirkan.
VII. Ulasan pelan pembangunan ini hanya sah selama 2(dua) tahun dari tarikh surat ini.

Amendments in compliance with
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PENAMPANG.
No. ruj : JPS(PPG)100-44/2/20/17(4)
Tarikh : 9 Disember 2020

2. Untuk makluman tuan, telan saliran (Drainage Plan) yang dikemukakan oleh pihak Pemaju/ Juruperunding adalah tidak lengkap (Incomplete) mengikut garis panduan Jabatan ini.
3. Bantuan dan kerjasama pihak tuan untuk memastikan kehendak-kehendak ini dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju berkenaan sebelum pelan pembangunan diendoskan atau diluluskan adalah demi memastikan aspek saliran diberi perhatian sewajarnya untuk mengurangkan kesan negatif ke atas kawasan berhampiran tapak pembangunan berkenaan.
4. Disertakan bersama-sama ini satu salinan Senarai Semak untuk digunakan oleh Pemaju/Juruperunding semasa mengemukakan Pelan Saliran.
5. Sila kemukakan ke pejabat ini tiga (3) salinan Pelan Saliran (Drainage Plan) dan satu (1) salinan laporan MASMA untuk tindakan seterusnya.

Amendments in compliance with
JABATAN TANAH DAN UKUR
No. ruj : JUD.PB(S):D(13)-26(39)/13/(JB/...)
Tarikh : 22 Disember 2020

2. Ulasan Pejabat ini mengenai perkara di atas adalah seperti berikut:
a. Pengesahan pemilik tanah, syer dan syarat guna hendaklah diperolehi dari Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Putatan ataupun boleh membuat carian rasmi geran tanah dari Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Putatan untuk pengesahan perkara di atas.
b. Kawasan cadangan adalah termasuk dalam lingkungan Had Galangan antara 160 kaki (Obstacle Clearance Limit)
c. Didapati keseluruhan kawasan termasuk dalam Projek Pembinaan Balai Bomba di Putatan melalui LS.2127.1.54 (dwg. ref. 2127.1.54.A01.008)
d. Sebagai makluman tuan lagi, sebahagian kawasan NT. 213059771 juga terlibat dengan cadangan pengambilan tanah untuk Projek Naiktaraf Jalan Kg. Sailan - Kg. Imbaan - Kg. Ulu Putatan, Penampang. Sila rujuk Jabatan Kerja Raya untuk cadangan pelan jajaran jalan.
e. Semua jarak dan nombor tanda sempadan hendaklah mematuhi pelan ukur yang telah diluluskan.
f. Permohonan kebenaran pengeluaran RSP hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Ukur untuk pemprosesan dan pertimbangan selanjutnya sekiranya pelan cadangan ini diluluskan.

Amendments in compliance with
JABATAN KERJA RAYA BANDARAYA.
No. ruj : JKR.KBU.DL/415/Jld.10(58)
Tarikh : 7 Januari, 2021

2. Pihak pejabat ini tiada halangan ke atas cadangan jalan masuk struktur bangunan tersebut. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada ulasan lanjut daripada agensi kerajaan yang berkaitan. Selain itu, perlu mematuhi "Building Setback - For proposed development adjacent to local distributor roads (minor roads), building setback from JKR Road Reserve boundary should be 6 meters minimum respectively. This should be clearly indicated on the site plan".

Amendments in compliance with
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH, KOTA KINABALU.
No. ruj : JPBW : 21/12/60 (71)
Tarikh : 19 Januari 2021.

2. Adalah dimaklumkan kepada tuan bahawa tapak cadangan pembangunan di atas adalah termasuk dalam zon "Government Use" untuk tujuan kegunaan kerajaan sahaja menurut deraf Pelan Tempatan Putatan.
3. Sekiranya pihak Majlis bersetuju dengan cadangan pembangunan di atas, komen teknikal Jabatan ini berkenaan dengan cadangan pelan pembangunan di atas adalah seperti berikut :-
i. Bukti pemilikan NT. 213059771 untuk cadangan pembangunan di atas haruslah dikemukakan;
ii. Sekiranya akses masuk ke tapak cadangan pembangunan melibatkan lot tanah pemilik lain, kebenaran bertulis haruslah diperolehi;
iii. Anjakan bangunan balai bomba, kuarters, stor 1 dan 2, bilik pam, menara latihan dan rumah sampah daripada sempadan tapak haruslah minimum 6.1 meter disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan;
iv. keperluan 10% kawasan lapang untuk tapak cadangan pembangunan di atas haruslah dilanskap dengan tumbuh-tumbuhan landskap dan kemudahan-kemudahan landskap yang sesuai dan selamat.
v. Keperluan penyediaan ruang tempat letak kereta dan motorsikal haruslah dikira, disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dengan jelas dalam pelan;
vi. Lebar jalan dalaman haruslah minimum 6.7 meter disediakan, dinyatakan dan ditunjukkan dalam pelan;
vii. Komen daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenai sistem saliran tapak cadangan pembangunan dan kawasan di sekitarnya harus diperolehi;
ix. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan dan mengesahkan jajaran dan kelebaran sebenar rizab jalan sediada yang terletak bersebelahan dengan tapak cadangan pembangunan di atas;


Amendments in compliance with
JABATAN AIR NEGERI SABAH.
No. ruj : JAN.KK:600-1(IX)/403-4
Tarikh : 18 Februari 2021

2. Pelan cadangan sistem retikulasi bekalan air yang dikemukakan telahpun diperiksa berikut adalah ulasan Jabatan Air Kota Kinabalu:
a. Dicadangkan pengunaan sesalur paip air dari jenis DI (ductile Iron) atau jenis papip plastik yang diluluskan serta berdaftar dengan Jabatan Air Negeri Sabah.
b. Kemukakan anggaran pengunaan bekalan air harian.
c. Sesalur paip air selepas meter air juga dicadangkan dari jenis DI (ductile Iron) atau jenis paip plastik.

Amendments in compliance with
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH.
No. ruj : ASSH(B)91/110/907/213(08)
Tarikh : 10 Februari 2021.

Selaras dengan peruntukan kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, ulasan Jabatan ini adalah seperti berikut:-

2.1 Aktiviti pembangunan berkenaan hendaklah terhad kepada kawasan pembangunan di Lot NT.213059771.
2.2 Pemberitahuan Bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum sebarang pemasangan Alat Pembakaran Bahanapi (APB) seperti janakuasa termasuk stand-by generator set dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) seperti bagfilter dalam batching plant. Sebarang pelepasan dari peralatan yang disebutkan diatas hendaklah mematuhi sepenuhnya nilai batas dan standard teknikal yang ditetapkan di Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih).2014:
2.3 Sebarang pembuangan atau pelepasan kumbahan daripada tapak projek yang mempunyai bilangan penduduk setara 150 atau lebih (sama dengan atau lebih daripada 150 P.E.) ke alam sekeliling hendaklah mematuhi syarat-syarat dan had pelepasan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009 termasuklah Pemberitahuan Bertulis bagi pembinaan Loji Pengolahan Kumbahan (Sewage Treatment Plant) dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum pembinaan;
2.4 Paras bunyi bising hendaklah mematuhi "Guidelines For Environmental Noise Limits and Control, Third edition, 2019" yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
2.5 Buangan terjadual seperti gris, minyak terpakai dan minyak pelincir yang terhasil sepanjang pelaksanaan projek termasuk juga sisa klinikal dari operasi klinik hendaklah dikendalikan mengikut Peraturan-Peraturan kualiti Alam Sekeliling (buangan terjadual), 2005 di mana:-
2.5.1 Pengeluaran buangan terjadual hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling secara bertulis melalui borang pemberitahuan yang ditetapkan;
2.5.2 Buangan Terjadual hendaklah distor dalam bekas yang kukuh dan dapat mencegah dari tumpah atau bocor ke alam sekeliling serta dilabel untuk pengenalan dan amaran.
2.5.3 Kawasan penstoran hendaklah direkabentuk, dibina dan diselenggara dengan baik untuk mencegah buangan terjadual tumpah atau bocor ke alam sekeliling. Benteng konkrit hendaklah dibina di sekeliling tangki-tangki simpanan minyak untuk mengawal sebarang tumpahan dan berupaya menampung sekurang-kurangnya 110% kandungan tangki terbesar di dalam benteng berkenaan. Tapak letak tangki hendaklah diperbuat daripada konkrit dan kemudahan untuk mengepam bahan yang tumpah hendaklah disediakan;
2.5.4 Rekod inventori mengenai maklumat yang distor atau dilupus hendaklah disediakan mengikut Jadual Kelima dan dikemaskini pada setiap masa.
2.5.5 Buangan terjadual hanya boleh dilupuskan di premis yang ditetapkan (yang dilesenkan oleh Jabatan alam Sekitar) sahaja;
2.5.6 Mendaftar dan menggunakan perkhidmatan atas talian (online system) Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS) bagi pemberitahuan dan inventori pengeluaran Buangan Terjadual yang dihasilkan di premis.
2.6 Pembakaran terbuka sisa binaan adalah dilarang sama sekali di bawah Seksyen 29(A)(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
2.7 Penggunaan bahan-bahan refrigeran yang merbahya kepada alam sekeliling sebagai refrigeran dalam mana-mana pemasangan baru sesuatu pendingin atau sistem penyejukan seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 adalah dilarang; dan
2.8 Sistem pengurusan sisa pepejal yang baik perlu diamalkan pada setiap masa dan sisa pepejal hendaklah dikumpulkan untuk dikitar semula atau dilupuskan oleh Pihak berkuasa Tempatan.



1 PELAN TAPAK
SKALA 1:350

LEGEND (Road) :

	PROPOSED R.C. ROAD DRIVEWAY
	PROPOSED BITUMEN CARRIAGE-WAY
P.C. KERB	PROPOSED ROAD KERB. (PROVIDED TO ALL BITUMEN SEALED ROAD EDGE)
	PROPOSED TRAFFIC FLOW SIGN
	PROPOSED SIGNBOARD.

LEGEND (Sewerage) :

200mmØ HDPE	PROPOSED 200mm Ø HDPE DOUBLE CORRUGATED SEWER PIPE (fall 1:250)
ST	PROPOSED SMALL SEWAGE TREATMENT SYSTEM (SSTS)
MH	PROPOSED 450mmx600mm BRICK MANHOLE. (AT BUILDING AREA)
	PROPOSED MANHOLE INVERT LEVEL
	PROPOSED SEWER PIPE INVERT LEVEL

LEGEND (Water) :

150mmØ MSCL	PROPOSED 150mm Ø. MSCL PIPE LINE.
	WATER PIPE CROSSING ROAD WITH CONC. SURROUND
H	PROPOSED 2 WAYS OUTLET PILLAR TYPE FIRE HYDRANT.
M AV Y-S	PROPOSED METER, AIR VALVE, FLANGED C.I Y-STAINER & SLUICE VALVE.

LEGEND (fence) :

	1800mm (h) BRC FENCE
	1800mm (h) chain link

LEGEND (Drainage) :

300mm OPEN DN	PROPOSED 300mm WIDE R.C. OPEN BUILDING DRAIN (Gradient 1:350)
450mm OPEN DN	PROPOSED 450mm WIDE R.C. OPEN DRAIN (Gradient 1:400)
450mm CONCEALED DN	PROPOSED 450mm WIDE R.C. CONCEALED DRAIN W/ HEAVY DUTY M.S. GRATING COVER 3m c/c (Gradient 1:400)
600mm OPEN DN	PROPOSED 600mm WIDE R.C. OPEN DRAIN (Gradient 1:400)
600mm CONCEALED DN	PROPOSED 600mm WIDE R.C. CONCEALED DRAIN W/ HEAVY DUTY M.S. GRATING COVER 3m c/c (Gradient 1:450)
	PROPOSED PIPE CULVERT WITH INSPECTION CHAMBER & WINGWALL (Gradient 1:250)
SM	PROPOSED R.C. SUMP
DIL 0.00	PROPOSED DRAIN INVERT LEVEL
SIL 0.00	PROPOSED SUMP INVERT LEVEL
PIL 0.00	PROPOSED DRAIN PIPE INVERT LEVEL

PETUNJUK

- TANDA SEMPADAN
- TANDA SEMPADAN DIJUMPAI
- LOT YANG TERLIBAT
- JALAN TAR
- PARIT KONKRIT
- ALIRAN AIR
- PAIP AIR
- AD ARAS DALAM
- TIANG ELEKTRIK
- TIANG TELEFON
- TEMPORARY BENCHMARK
- PINTU PAGAR
- PAGAR DAWAI
- JAMBATAN
- 7.00m LEBAR JALAN
- KOLAM
- TEBING
- PENGHADANG JALAN
- KAWASAN HIJAU

NOTA :

1. Lukisan Arkitek adalah hakcipta terpelihara.
2. Semua ukuran mesti disemak diatas tapak binaan. Hanya ukuran yang dicatatkan sahaja perlu digunakan. sahaja perlu digunakan. Kontraktor hendaklah merujuk pada Lukisan Kerja Luar Bangunan dan Struktur untuk kerja-kerja Sivil & Struktur dan Lukisan Mekanikal dan Elektrik untuk kerja-kerja Mekanikal & Elektrik. Segala percanggahan tapak bina hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Penguasa.
3. Bahan binaan dinding rujuk butiran dan kelulusan jurutera.
4. Semua maklumat ukuran dan spesifikasi bahan
5. Untuk Siling, Pintu, Tingkap, Jeriji, Susurtangan, Perabut dan Aksesori senibina yang lain sila rujuk lukisan butiran.

PERHATIAN:-
-BILIK Kawalan (Berhawa Dingin 24 Jam) dan BILIK MDF Penggungan Dinding 'Double Cavity' dengan 25 mm 'gap' diisi dengan 'Fire Retardant PU Foam'.

SISTEM KAWALAN KEBAKARAN

Simbol	Butiran
ABC-9	Pemadam Api Mudah Alih Serbuk Kering 9kg
ABC-6	Pemadam Api Mudah Alih Serbuk Kering 6kg
Co2	Pemadam Api Mudah Alih Karbon Dioksida
K	Tanda Keluar
EL	Lampu Kecemasan
FD1	Pintu Rintangan Api 1 jam
FD2	Pintu Rintangan Api 1 jam
FD3	Pintu Rintangan Api 1 jam

PETUNJUK

LANTAI

aras lantai
bahan/ sistem binaan
kemasan lantai

RC - Konkrit bertetulang. (rujuk butiran JURUTERA)

LS - 20mm tbl lepekan simen
CA - Roll Carpet dgn. 100% fiber sintetik BCF berat pile min. 850gm/sqm PVC FiberGlass Reinforce Backing dgn. kambi kayu dengan kelulusan Arkitek.
JH - 600mm x 600mm x 8mm tbl. jubin homog. atau setaraf lengkap dgn. 300mm x 100mm x 8mm tbl. kambi sekeliling 1/d lapisan kalis lembap mengikut kelulusan arkitek.
JH1 - 300mm x 300mm x 8mm tbl. jubin 'non slip' homog. atau setaraf lengkap dgn. 300mm x 100mm x 8mm tbl. kambi sekeliling 1/d lapisan kalis lembap mengikut kelulusan arkitek.
JH2 - 100mm x 100mm x 8mm tbl. jubin homo. 'heavy duty' atau setaraf lengkap dgn. 100mm x 100mm x 8mm tbl. kambi sekeliling 1/d lapisan kalis lembap, warna dan jenis yang diluluskan arkitek.
HT - 300 x 600 homogeneous tile
VHD - Very heavy duty Epoxy floor to manuf's spec.
RM - 500 x 500 x 25 thk. Rough surface Rubber mat Tiles. Colour to Arch's selection

DINDING

bahan/sistem binaan
kemasan dlm.
kemasan luar

BB - 110mm tebal dinding batu bata dengan lepa simen pada kedua-dua permukaan 20 mm tebal (DALAM dan LUAR) serta di cat atau mana-mana kemasan seperti dinyatakan.
DDC- 110mm tebal dinding batu bata dua lapis dengan rongga 50 mm lebar/'gap' serta lepa simen 20 mm tebal (DALAM dan LUAR) serta di cat atau di mana-mana kemasan seperti dinyatakan.
PD - Binaan sistem berindustri (IBS) rujuk sistem dan butiran pengeluar yang diluluskan oleh JKR serta lepa simen 20 mm tebal (DALAM dan LUAR) serta di cat atau di mana-mana kemasan seperti dinyatakan.
KT - 200mm tbl dinding konkrit tetulang (rujuk butiran JURUTERA)

CE - Dalaman- 1 coat basecoat sealer diikuti dengan 2 coat Strax , APEO (Alkyphenol Ethoxylate) free dan rendah VOC (Volatile Organic Compound) serta dengan kelulusan 'Green Label' oleh SIRIM.
CTC - Luaran- 1 coat alkaline resisting primer diikuti dengan 2 coat cat 2X UV Protected Colours, Dirt Resistant, Temperature Reduction, Weather Resistant, 100 % acrylic anti kulat, rendah VOC (Volatile Organic Compound) serta dengan kelulusan 'Green Label' oleh SIRIM dan anti fade color dengan 6 tahun warranti .
AK - Dinding Akustik jenis Panel Rockwool atau setaraf - 'full -height', dipasang mengikut butiran dan nasihat Pembekal serta diluluskan oleh pihak 'specialist'.
JS - 300 x 600mm x 6 mm tbl. jubin seramik gilap. Jenis, warna dan corak yang diluluskan Arkitek.

PERHATIAN:-
1. Bagi SEMUA pemasangan jubin- LANTAI & DINDING (saiz seperti didalam lukisan)- 3mm- 6mm tebal agen pelekat / 'bonding agent', 'cement based adhesive' jenis BELCEM SUPERFLEX 21 atau mana-mana yang setara dari segi kualiti seperti water resistance, flexible dan high strength hendaklah digunakan.
2. Bagi SEMUA sambungan antara jubin (3mm lebar atau kurang)- jenis water resistance , compressible cement-based 'fine' grout BELCEM , warna atau mana-mana jenis yang setara yang diluluskan Arkitek.
3. Semua kaedah campuran dan pemasangan hendaklah mengikut butiran Pembekal serta dengan kelulusan Arkitek.

BUMBUNG

Kerangka bumbung
Kemasan bumbung

KK - kerangka bumbung jenis yang diluluskan oleh JKR
KS - 100mm tbl konkrit tetulang 'laid to fall' dgn alur 150mm (lebar) x 30 mm (dalam) ; dibahagian yang dinyatakan Semua permukaan , hendaklah dikemaskan dengan lapisan kalis air jenis 'crytallisation/cementitious water proofing' dengan kualiti membalikkan cahaya dan haba dari permukaan konkrit.
(lukisan muktamad - rujuk butiran JURUTERA)

PC - 05 mm tebal bumbung jenis kepingan Polycarbonate 'Heat Ray Cut (HRC) Series type Solid Sheet with atau setara dengan warna 'tinted' yang diluluskan Arkitek 1/d sistem bingkai keluli sederhana keras 3mm tebal.
AP - 0.55 mm tebal bumbung jenis kepingan Aluminium lengkap dengan 'flashing' termasuk di bhg. perabung 'ridge' , di hujung bumbung 'fascia'/ 'barge' dan 'corner flashing' dll dan juga aksessori lain yang berkaitan, serta lapisan penebat haba- fire retardant grade 'double - sided' single layer jenis 'air bubble reflective radiant barrier foil' yang di tampung oleh 1 lapisan dawai mata punai / setara yang diluluskan oleh JKR.

SILING

KERANGKA SILING
Kemasan siling

RC - Konkrit bertetulang. (rujuk butiran JURUTERA)
SG - Kerangka siling jenis 'zinc/aluminium coated' pada keratan keluli (steel section) 0.5 mm tebal ('channel'/ main runner' & 'suspension clip') , dan 5mm. diameter galvanised mild steel suspension rod', melainkan dinyatakan.
ST - Kerangka siling tetap , jenis keluli sederhana keras 0.5 mm tebal - 'channel'/'runner' dan 5mm diameter galvanised mild steel suspension rod', melainkan dinyatakan.

SEMUA SAIZ-SAIZ KOMPONEN KERANGKA DAN KAEDAH PEMASANGAN KERANGKA SILING HENDAKLAH MENGIKUT BUTIRAN PEMBEKAL SERTA DILULUSKAN OLEH JURUTERA

PF - Plaster Board Ceiling dengan ketebalan 12mm yang diluluskan Arkitek
AL - 0.55mm tbl Siling Jalur Aluminium ' Aluminium Strip Ceiling 'rujuk butiran pengeluar dgn corak / warna yang diluluskan Arkitek.

LEGEND :(General)

	BOUNDARY LINE	+5.40m	PROPOSED FINISHED GROUND LEVEL
	PROPOSED BUILDING	0.00	EXISTING GROUND LEVEL

KELUASAN KESELURUHAN (M.SQ.)

BALAI	= 840
KUARTERS	= 632.6
RUMAH SAMPAH	= 17
BILIK PAM, STOR 1&2	= 85
MENARA LATIHAN	= 164
TOTAL	= 1,741.6 M.SQ.

NOTES
- The contractor shall varified all dimensions on site prior to commencement of work.
- Do not scale drawing, use written dimensions or grid lines only.
- This drawing to be read in conjunction with the specification and conditions of contract.
- This drawing to be read in conjunction with others related M&E and C&S drawings.
- This drawing and design are copyright and no portion maybe reproduced without the permission from 'ALASIM OMAR ARCHITECT'

FOR AUTHORITY USE

MAJLIS DAERAH PUTATAN
No. Siri MDPTN(D): 200-0(2020)/8
No. Lukisan 200413/ JBPM put/M-01 REV.1
Item KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN

Pelan yang dinyatakan diatas adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan didalam surat.
Ruj. MDPTN : MDPTN(D):200-0(2020)/8/11
bertarikh : 5 APRIL 2022

Pelan ini diluluskan atas Pengesahan / Perakuan Oleh Akitek / Jurutera / Pemaju / Pemilik Projek.

No.	Description	

KERAJAAN MALAYSIA

TAJUK PROJEK

CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA & KUARTERS PUTATAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT N.T 213059771, JALAN SAILAN IMBAAN PUTATAN, DAERAH PUTATAN, SABAH

PEMILIK PROJEK

Ar. ZUHAIRI BIN MANAF
Timbalan Setiausaha Bahagian
Cawangan Pengurusan Projek
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan Projek,
Aras 5, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia

PEMILIK BANGUNAN

ASRAN BIN SARIP
Penguasa Bomba
Bahagian Pembangunan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
BAHAGIAN PEMBANGUNAN, IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA
Tingkat 4, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya, Malaysia.

"SAYA MEMPERAKUI BAHAWA BUTIRAN-BUTIRAN DI DALAM PELAN-PELAN INI ADALAH MENURUT KEHENDAK-KEHENDAK UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 DAN SAYA SETUJU TERIMA TANGGUNGJAWAB PENUH DENGAN SEWAJARNYA".

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Ar. Datu Alasim Datu Omar
PROFESSIONAL ARCHITECT
LAM REGISTRATION NUMBER : A/D 17

ALASIM OMAR ARCHITECT
F-27-1, ROYAL PLAZA PUTATAN
KM 11.2, JALAN PUTATAN
88200, KOTA KINABALU, SABAH
E : alasim.architect@gmail.com
T : +6 088 760 752 F: +6 088 761 752

DRAWING INFORMATION		DRAWING TITLE
DRAWN BY	AZZIM	PELAN TAPAK
CHECKED	WAN	PELAN KUNCI
DESIGNED	SYM	PELAN LOKASI
SCALE	1:350	
DATE	JULAI 2020	
REVISION	1	

200413/JBPMput/M-01 REV.1